

# Kelantangan hanya untuk ketengah idea baik: PM

Daripada Norbakti Alias

BH 28 FEB 2004

BOAO (Hainan), Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, kelantangannya menyuarakan pendapat hanyalah untuk mengetengahkan idea yang baik untuk dikongsi bersama.

Kerana itu, Perdana Menteri berkata, walaupun sering menerima kritikan, beliau tetap percaya idea yang baik akhirnya dapat diterima juga.

“Orang boleh mengkritik saya tapi adalah tugas saya untuk menampilkan idea yang baik. Lama kelamaan idea yang baik akan tetap diterima termasuk oleh orang yang tidak sukakan saya atau Malaysia,” katanya dalam sidang akhbar selepas menyampaikan ucap tama di Forum Boao Untuk Asia (BFA) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, ketika cuba menyelamatkan krisis kewangan negara, Malaysia dituduh bodoh dan tidak faham sis-

**“Bagi saya, walaupun mereka tidak sukakan saya, mungkin mereka boleh menerima idea saya.”**

– Dr Mahathir Mohamad

tem kewangan tetapi kini pakar dari Barat mula menerimanya sebagai alternatif untuk menangani masalah itu.

“Bagi saya, walaupun mereka tidak sukakan saya, mungkin mereka boleh menerima idea saya,” katanya menjawab soalan media asing sama ada kelantangannya itu sudah tidak lagi berkesan.

Perdana Menteri juga berkata, nilai murni yang ada pada Asia seperti bersikap konservatif, menghormati keluarga dan tidak campur tangan dalam urusan orang lain, sering disalah anggap negara Barat sebagai satu kelemahan.

“Nilai murni ini sebenarnya faktor membantu Asia hidup aman damai berbanding di Eropah,” katanya.

Dr Mahathir berkata, sejarah Eropah menunjukkan hampir setiap tahun sejak 2,000 tahun dulu, sekurang-kurangnya dua negara akan berperang.

“Biarpun sejak 50 tahun lalu tidak ada perang kecuali di Yugoslavia, ia menunjukkan negara Eropah berasa adanya keperluan untuk pertumpahan darah.

“Mereka mahukan suatu tempat untuk menunjukkan nilai mereka. Ini termasuk cuba campur tangan dalam urusan da-

lam negara kecil seperti Malaysia,” katanya.

Ditanya wartawan asing mengapa beliau membaca ucapan lain, selain yang kononnya disediakan penganjur yang lebih menjurus kepada Asia bersatu, Dr Mahathir berkata beliau sering menyediakan ucapannya sendiri.

“Saya sedar ada ucapan lain yang disediakan untuk saya. Saya sendiri sediakan ucapan saya kerana tidak bergantung kepada orang lain menyediakannya.

“Sudah tentu saya dapatkan sedikit idea daripada beberapa penulis ucapan,” katanya.

Mengenai BFA, Perdana Menteri berkata, China dan Jepun akan menjadi peneraju utama forum itu berdasarkan saiz dan pengaruh mereka dalam rantau ini.

Menurutnya, China sudah menunjukkan komitmen dan beliau percaya Jepun juga akan memberi reaksi yang sama.

Berhubung soal pembiayaan untuk forum itu, Dr Mahathir yakin syarikat gergasi di Asia sedia menghulurkan sumbangan kerana mereka sendiri berpeluang bertemu dengan ketua-ketua syarikat lain di rantau ini serta ketua negara Asia.

Mengenai pertemuannya dengan Presiden China, Jiang Zemin petang semalam, Dr Mahathir berkata, selain menjadi orang pertama mengetahui cadangannya untuk diwujudkan cukai antarabangsa, mereka turut berbincang mengenai isu semasa termasuk globalisasi dan kewangan.

“Kami juga berbincang mengenai apa yang boleh dilakukan bersama. Presiden Ziang memberi reaksi positif mengenai cukai antarabangsa itu. Tapi dia memberitahu kemungkinan ada pihak kurang senang dengan cadangan itu,” katanya.